

# **HUBUNGAN STRATEGIK AMERIKA SYARIKAT- MALAYSIA MEMERANGI KEGANASAN DI MALAYSIA 1990-2003**



**ASZLAN BIN SELAMAT**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

**HUBUNGAN STRATEGIK AMERIKA SYARIKAT-  
MALAYSIA MEMERANGI KEGANASAN DI  
MALAYSIA 1990-2003**

**ASZLAN BIN SELAMAT**



**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 September 2014

---

ASZLAN BIN SELAMAT  
PA20118256



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **ASZLAN BIN SELAMAT**

NO.MATRIKS : **PA20118256**

TAJUK : **HUBUNGAN STRATEGIK AS-MALAYSIA MEMERANGI  
KEGANASAN DI MALAYSIA 1990-2003**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **29 SEPTEMBER 2014**



**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya. Dr. Bilcher Bala

DISAHKAN OLEH:  
**UMS**  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**2. PENYELIA BERSAMA**


Pn. Diana Peters

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnia-Nya, penulis dapat menyempurnakan Tesis Sarjana ini. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Prof. Madya. Dr. Bilcher Bala dan Pn. Diana Peters . Mereka telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, komen dan idea kepada penulis sepanjang proses penyeliaan untuk menyiapkan penulisan ini. Tanpa bantuan mereka berdua, kemungkinan penulis akan menghadapi masalah dan cabaran yang lebih besar dalam usaha menyiapkan Tesis Sarjana ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga penulis ucapkan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, kakitangan perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Shah Alam, kakitangan SEARCCT, kakitangan *Institute of Diplomatic and Foreign Relations* (IDFR), kakitangan *Perdana Leadership Foundation* dan kakitangan Kedutaan AS di Kuala Lumpur dan kakitangan Lincoln Corner serta pihak-pihak yang terlibat yang tidak dinyatakan yang banyak membantu penulis dalam menyiapkan penulisan ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibubapa yang tersayang, ayahanda Awang Selamat Bin Untoh dan bonda Arnie @ Tiang Binti Siran, adik-beradik tercinta dan saudara mara yang tidak di nyatakan nama mereka yang telah banyak memberi dorongan, nasihat, semangat dan tunjuk ajar kepada penulis untuk menyiapkan Tesis Sarjana ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada sahabat-sahabat yang telah banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar kepada penulis. Sekian terima kasih.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Aszlan Bin Selamat

30 September 2014

## **ABSTRAK**

Kajian ini memberi penumpuan terhadap hubungan dua hala dalam aspek hubungan strategik Amerika Syarikat-Malaysia memerangi keganasan di Malaysia dari tahun 1990 hingga 2003. Kajian ini juga menjelaki evolusi hubungan strategik kedua-dua negara sejak selepas Perang Dunia Kedua bagi mencari asas kepada hubungan yang telah lama wujud. Kajian ini juga turut menjelaskan sebab-musabab yang mendorong hubungan dua hala tersebut terus berlaku. Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan pendapat disebalik wujudnya isu dan cabaran iaitu perbezaan pandangan dan pendapat mengenai usaha memerangi keganasan, perkara tersebut tidak menghalang kedua-dua negara meneruskan hubungan yang baik. Malahan, disebalik kelantangan Malaysia menyuarakan tentang ke atas tindakan AS menyerang Iraq dan Afghanistan, hubungan tersebut masih diteruskan dan Malaysia mengikut nasihat AS menubuhkan SEARCCT. Kedua-dua negara sedar hubungan tersebut menguntungkan kedua-dua pihak. Daripada kajian ini didapati hubungan strategik AS-Malaysia berlaku dalam keadaan yang tidak konsisten. Walau bagaimanapun, selepas berlakunya peristiwa 11 September 2001, kerjasama memerangi keganasan semakin meningkat.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ***ABSTRACT***

### ***United States-Malaysia Strategic Relation War on Terrorism in Malaysia 1990-2003***

*This research described about U.S-Malaysia strategic relations war on terrorism in Malaysia since year 1990 to 2003. The research traced the evolution of these bilateral relations from post-World War II in order to establish the foundation of such relations. The research also highlighted the driving causes that keep the relations going. It argues that different views and approaches towards the issue of terrorism do not hurt U.S-Malaysia strategic relations. It follows that despite Malaysian criticism on U.S' military actions in Iraq and Afghanistan, Malaysia followed U.S advice to establish the SEARCCT. These are mainly due to the fact that both found these relations to be mutually beneficial. This research found that even though there are many issues and challenges, the strategic relations of US-Malaysia occur in conditions inconsistent. In addition, the strategic relation war on terrorism has increased since 11 September 2001.*



## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI FOTO</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Sorotan Literatur	6
1.5 Kepentingan Kajian	22
1.6 Skop Kajian I	24
1.7 Metod Kajian	24
1.8 Pembahagian Bab	26
1.9 Batasan Kajian	27
1.10 Kesimpulan	27

<b>BAB 2:</b>	<b>PENJELASAN KONSEP HUBUNGAN STRATEGIK DAN KEGANASAN</b>	
2.1	Pengenalan	28
2.2	Konsep Hubungan Strategik	28
	2.2.1 Definisi Strategik	30
	2.2.2 Strategik Sebagai Satu Disiplin Ilmu	33
	2.2.3 Perkembangan Bidang Strategik Selepas Perang Dunia Kedua	34
	2.2.4 Jenis Strategi / Strategik	39
2.3	Konsep Keganasan	40
	2.3.1 Definisi Keganasan Menurut Ahli Akademik	41
	2.3.2 Definisi Keganasan Menurut Kerajaan	42
	2.3.3 Kategori Keganasan	46
	2.3.4 Kumpulan Pengganas Di Malaysia	48
2.4	Kesimpulan	51
<b>BAB 3:</b>	<b>LATAR BELAKANG HUBUNGAN STRATEGIK AS-MALAYSIA SEMASA DAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA</b>	
3.1	Pengenalan	53
3.2	Hubungan Strategik Semasa Perang Dunia Kedua	53
3.3	Hubungan Strategik Era Kolonial British	54
3.4	Kesimpulan	70
<b>BAB 4:</b>	<b>HUBUNGAN STRATEGIK AS-MALAYSIA 1957-1989</b>	
4.1	Pengenalan	72
4.2	Era Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu	72
4.3	Era Pembentukan Persekutuan Malaysia	78

4.4	Konfrantasi	79
4.5	Perang Vietnam	82
4.6	Keselamatan Dan Pertahanan	86
4.7	Kawalan Narkotik	92
4.8	Keganasan	93
4.9	Kesimpulan	94

**BAB 5: HUBUNGAN STRATEGIK AS-MALAYSIA MEMERANGI KEGANASAN PASCA PERANG DINGIN 1990-2000**

5.1	Pengenalan	96
5.2	Hubungan Strategik Memerangi Keganasan Pasca Perang Dingin 1990-an	96
5.3	Kegiatan Kumpulan Pengganas di Malaysia Dalam Tahun 1990-an	102
5.4	Wali Khan Amin Shah (WKAS) Pengganas Transnasional	104
5.4.1	Kerjasama Pihak Berkuasa AS-Malaysia Menjejaki WKAS	107
5.4.2	Surat-Menyurat Presiden Clinton Dengan Dr Mahathir Mohammad	108
5.4.3	Kerjasama Menjejaki Pengganas Hambali	110
5.5	Kesimpulan	111


**BAB 6: HUBUNGAN STRATEGIK AS-MALAYSIA MEMERANGI KEGANASAN 2001-2003**

6.1	Pengenalan	112
6.2	Dasar Luar AS Memerangi Keganasan Selepas Peristiwa 11 September 2001	112
6.3	Hubungan Strategik AS – Malaysia Memerang Keganasan 2001-2003	124

6.4	Penubuhan SEARCCT	124
6.5	Program Bantuan Anti-Keganasan (ATA)	126
6.6	Kesimpulan	120
<b>BAB 7: ISU DAN CABARAN</b>		
7.1	Pengenalan	132
7.2	Isu Dan Cabaran Pasca Perang Dingin 1990-2000	132
7.3	Isu dan cabaran 2001-2003	134
7.4	Kesimpulan	140
<b>BAB 8: KESIMPULAN</b> 143		
<b>BIBLIOGRAFI</b> 151		
<b>LAMPIRAN A</b> 158		
<b>LAMPIRAN B</b> 159		
<b>LAMPIRAN C</b> 160		
<b>LAMPIRAN D</b> 161		
<b>LAMPIRAN E</b> 162		
<b>LAMPIRAN F</b> 163		
<b>LAMPIRAN G</b> 164		
<b>LAMPIRAN H</b> 165		

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 4.1: Pembahagian Pengunaan Pinjaman FMS Dari Tahun 1976-1979	87
Jadual 4.2: Kontrak Yang Telah Ditandatangani Untuk Kelengkapan Pertahanan	88
Jadual 4.3: Pembekalan Yang Sedang Diuruskan	89
Jadual 4.4: Keperluan Yang Mungkin Dibatalkan	89
Jadual 6.1: Aktiviti Latihan Untuk Tahun Fiskal 2002-Malaysia	129
Jadual 6.2: Aktiviti Latihan Untuk Tahun Fiskal 2003-Malaysia	129




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI FOTO**

Halaman

Foto 5.1: Wali Khan Amin Shah 104



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A: Surat Lantikan Moussaoui Zacarias oleh Yazit Sufaat	158
Lampiran B: Bukti Pindahan Wang Pembayaran Kepada Zacarias Moussaoui	159
Lampiran C: Surat Kebenaran Mendapatkan Data di Lincoln Resource Center Malaysia	160
Lampiran D: Surat Kebenaran Mendapatkan Data di SEARCCT	161
Lampiran E: Surat Kebenaran Mendapatkan Data di Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur	162
Lampiran F: Surat Kebenaran Mendapatkan Data di Perdana Leadership Foundation	163
Lampiran G: Surat Kebenaran Mendapatkan Data di Perdana Global Peace Foundation	164
Lampiran H: Surat Kebenaran Umum Untuk Mendapatkan Data	165



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>ABIM</b>	- Angkatan Belia Islam Malaysia
<b>AID</b>	- Assistance of International Development
<b>AMCA</b>	- Anti-Money Laundering Act
<b>APEC</b>	- Asia Pacific Economy Cooperation
<b>AS</b>	- Amerika Syarikat
<b>ASEAN</b>	- Association of Southeast Asian Nations
<b>ATA</b>	- Anti-Terrorism Assistance Program
<b>BITACG</b>	- Bilateral Training and Consultative Group
<b>CARAT</b>	- Cooperation Afloat Readiness & Training
<b>CIA</b>	- Central Intelligence Agency
<b>DLF</b>	- Development Loan Fund
<b>Dr.</b>	- Doktor
<b>EAP</b>	- Economic Assistance Program
<b>FBI</b>	- Federal Bureau Investigation
<b>FMSC</b>	- Foreign Military Sales Credit
<b>GLM</b>	- Green Laboratory Medicine
<b>GWOT</b>	- Global War on Terrorism
<b>IMET</b>	- International Military and Education Training
<b>ISA</b>	- Internal Security Act
<b>IT</b>	- Infocus Technology
<b>JI</b>	- Jemaah Islamiah
<b>KMM</b>	- Kumpulan Militan Malaysia
<b>KSM</b>	- Khalid Sheikh Mohammad

<b>MKN</b>	- Majlis Keselamatan Nasional
<b>MNEs</b>	- Multinational Enterprises
<b>NAM</b>	- Non Align Movement
<b>NATO</b>	- North Atlantic Treaty Organization
<b>NPT</b>	- Nuclear Non Proliferation Treaty
<b>NYG</b>	- Nuclear Supplier Group
<b>OIC</b>	- Organization of the Islamic Conference
<b>PBB</b>	- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>PKM</b>	- Parti Komunis Malaya
<b>R&amp;R</b>	- Rest and Recreation
<b>SEARCCT</b>	- Southeast Asia Regional Center For Counter Terrorism
<b>SEATO</b>	- Southeast Asia Treaty Organization
<b>UN</b>	- United Nation
<b>WKAS</b>	- Wali Khan Amin Shah
<b>ZOPFAN</b>	- Zone of Peace and Free Nuclear
<b>ZW</b>	- Zacarias Moussaoui

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Selepas terlibat dalam Perang Dunia Kedua dan Perang Dingin, Amerika Syarikat (AS) telah muncul sebagai sebuah kuasa hegemoni di pentas dunia. Kemenangan yang diperolehi telah memberikan tiket kepada AS melaksanakan pelbagai dasar untuk menghentikan perperangan yang berlaku. Selepas berakhirnya Perang Dingin sekitar hujung tahun 1989 dan awal tahun 1990-an, usaha AS difokuskan untuk memerangi keganasan di pelusuk dunia. Ketika era Perang Dingin, AS telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan intensif sama ada dalam bentuk kewangan maupun bantuan lain seperti bantuan asing, ketenteraan dan sebagainya. Segala inisiatif dan intensif ini digunakan sebagai usaha untuk membendung pegerakan Komunis ketika era Perang Dingin. Fokus utama bantuan berkenaan ditawarkan adalah kepada negara Dunia Ketiga yang baharu merdeka. Bantuan ini bertujuan memastikan usaha pembangunan negara berjalan dalam keadaan stabil dan keselamatan terjamin. Pada ketika itu, kebanyakan negara di Asia Tenggara baharu sahaja mencapai kemerdekaan melalui proses dekolonialisasi.

Dalam pada itu, kebanyakan negara baharu berkenaan sudah pun mempunyai sejarah hubungan yang baik dengan AS. Hubungan baik yang diwarisi dari zaman kolonial telah dikekalkan untuk memastikan keselamatan dan proses pembangunan negara terus terjaga. Dari konteks ini, pembentukan Malaysia yang berkuatkuasa pada 16 September 1963 juga tidak terlepas mengekalkan hubungan diplomatik dengan AS. Hubungan ini ternyata memberi manfaat kepada Malaysia semasa menghadapi satu gerakan Komunis oleh Gerakan Parti Komunis Malaya (PKM). Gerakan PKM ini disifatkan sebagai mengancam keselamatan, kestabilan dan kedaulatan negara pada ketika itu sehingga diisyiharkan darurat. Dalam situasi yang genting itu, Malaysia memerlukan suatu hubungan diplomatik yang bukan sahaja erat tetapi yang lebih bersifat khusus dalam bidang keperluan yang kritikal.

Oleh itu, Malaysia telah menjalinkan hubungan strategik dengan AS khususnya dalam usaha memerangi unsur subversif Komunis ketika itu. Kemudian, kewujudan ancaman jaringan unsur pengganas antarabangsa bermula selepas berakhirnya era Perang Dingin yang telah membawa Malaysia dan AS untuk menghidupkan semula hubungan strategik yang telah lama terjalin. Hubungan ini jelas berlaku sehinggalah penubuhan Pusat Memerangi Pengganas Asia Tenggara (SEARCCT) di Kuala Lumpur pada bulan Julai 2003.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Hubungan strategik AS-Malaysia sebenarnya telah bermula sejak zaman penjajahan iaitu semasa pihak Kolonial British mentadbir Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Hubungan strategik yang wujud pada ketika itu lebih kepada hubungan antara AS-Britain. Keadaan yang tidak menjamin keselamatan pedagang bangsa Amerika menyebabkan pihak AS menghantar beberapa kapal perang untuk memastikan bahawa semua pedagang AS dalam keadaan yang selamat yang membawa kepada perjanjian dengan pihak British.

Isu seperti penangkapan kapal dagang milik rakyat Amerika telah memaksa pihak AS untuk mengambil pendekatan menghantar Konsul AS ke Tanah Melayu melalui persetujuan pihak British. Hubungan strategik ini diteruskan semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia sekitar tahun 1930-an. AS telah mengambil pendekatan untuk mengukuhkan pasaran getah dunia untuk memastikan kepentingan di Tanah Melayu sebagai pengeluar getah dapat dikekalkan.

Secara umumnya, Malaysia merupakan sebuah negara kecil jika dibandingkan dengan AS yang mempunyai lebih daripada 50 buah negeri. Di pihak AS, hubungan ini dapat meneruskan dasar luar yang telah pun dilaksanakan sejak selepas Perang Dunia Kedua dan era sebelum berakhirnya Perang Dingin disamping dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai kuasa besar di pentas dunia. Hubungan yang berlaku pada era Kemerdekaan Tanah Melayu telah menimbulkan persoalan kajian iaitu apakah sebab-musabab dan bentuk hubungan strategik AS-Malaysia pada ketika itu? Hal ini kerana, hubungan strategik AS-Malaysia yang berlaku pada ketika ini bukanlah suatu perkara yang baru.

Selain itu, AS juga dapat menjaga kepentingannya di rantau Asia Tenggara berikutan perubahan persekitaran antarabangsa selepas berakhirnya Perang Dingin seperti yang dijelaskan oleh Doug Stokes;

*....this is again logical given the fact that he locates foreign policy decision-making within the strategic and geoeconomic rationales of US capital, and the institutions that have arisen to protect it, all of which have largely remained in the post-Cold War Era.<sup>1</sup>....*

Di pihak Malaysia pula, disamping dapat mengukuhkan lagi hubungan sedia ada dengan AS, Malaysia juga mendapat banyak manfaat melalui hubungan strategik dalam usaha memerangi keganasan. Selepas berakhirnya Perang Dingin, gerakan kumpulan militan yang disifatkan sebagai penganas masih dilaporkan wujud di Malaysia. Pada tahun 1990 Kumpulan Al-maunah, Jemaah Islamiah dan Kumpulan Militan Malaysia disamping penganas yang bersifat transnasional dilaporkan masih wujud.

Oleh itu, tidak hairanlah jika hubungan AS dan Malaysia masih diteruskan selepas berakhirnya era Perang Dingin. Hal ini disebabkan keadaan aman dan selamat masih tidak dirasakan kerana masih wujudnya ancaman daripada gerakan kumpulan penganas seperti Al-Maunah, KMM, Al-Qaeda, Jemaah-Islamiah, Abu Sayaf dan lain-lain. AS yang begitu komited dengan usaha memerangi penganas disamping menjaga kepentingannya telah meneruskan hubungan strategik dengan Malaysia. Dalam usaha meneruskan hubungan strategik tersebut, kedua-dua negara telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memerangi penganas di Malaysia terutamanya selepas berakhirnya Perang Dingin sehingga selepas berlakunya peristiwa 11 September pada tahun 2001.

Kajian ini menilai evolusi hubungan strategik AS-Malaysia memerangi keganasan di Malaysia. Hubungan yang telah terjalin sejak sekian lama telah menimbulkan banyak persoalan yang berkaitan dengan kepentingan dan keperluan kedua-dua negara dalam hubungan strategik untuk memerangi keganasan di

---

<sup>1</sup> Doug Stokes, *Why the end of the Cold war doesn't matter: The US war of terror in Colombia*, Review of International Studies (2002), 29, 569-585. British International Studies Association, hlm 576.

Malaysia selepas berakhirnya Perang Dingin. Untuk menilai corak hubungan strategik ini, ia membawa kepada permasalahan kajian iaitu apakah sebab musabab berlakunya hubungan strategik AS-Malaysia selepas Perang Dingin.? Pada ketika itu Malaysia kurang bersetuju dengan terma keganasan yang digunakan oleh AS untuk merujuk gerakan subversif yang berlaku di Malaysia. Dalam konteks hubungan AS dan Malaysia, hubungan strategik ini penting kepada kedua-dua negara kerana ianya memberi manfaat sama ada dalam bentuk material maupun jaminan keselamatan.

Semasa Perang Dingin, AS telah meneruskan hubungan strategik dengan Malaysia melalui kerjasama menentang gerakan Komunis yang disifatkan oleh AS sebagai penganas. Hubungan ini diteruskan walaupun Perang Dingin telah berakhir sekitar tahun 1990-an melalui perjanjian kerjasama dalam bentuk latihan dan pertahanan antara kedua-dua negara untuk menjamin kestabilan, mengekalkan kedaulatan dan keselamatan negara. Serangan ke atas PWTC di New York telah melibatkan Islam sebagai penganas yang pada ketika itu Malaysia memegang portfolio sebagai pengurus OIC telah menyokong dasar memerangi keganasan AS. Perkembangan hubungan ini perlu menjelaskan persoalan mengapa Malaysia masih meneruskan hubungan strategik iaitu sebagai pengurus OIC dengan AS untuk memerangi Keganasan selepas era peristiwa 11 September 2001 walaupun Islam telah dikaitkan dengan keganasan? Faktor keupayaan AS menjadi kuasa politik, militari dan ekonomi dunia mungkin merupakan tarikan yang rasional kepada Malaysia.

Selepas persetujuan dicapai, peringkat seterusnya adalah usaha merealisasikan persetujuan yang telah dibuat iaitu kerjasama dalam usaha memerangi penganas di Malaysia. Seboleh-bolehnya dalam usaha merealisasikan usaha tersebut, tidak wujud sebarang masalah. Walau bagaimanapun, realitinya hubungan kedua-dua negara berhadapan dengan banyak masalah. Oleh itu, kajian ini perlu menjelaskan persoalan apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh AS dan Malaysia sepanjang tempoh hubungan strategik memerangi keganasan tersebut?. Berhadapan dan mengendalikan masalah bukanlah suatu situasi yang mudah terutamanya aspek yang melibatkan hubungan dua hala dan bagaimana AS

dan Malaysia berhadapan dengan cabaran dalam usaha merealisasikan persetujuan untuk memerangi pengganas di Malaysia bagi memastikan bahawa persetujuan yang telah dibuat bukan hanya sekadar di atas kertas.

### **1.3 Tujuan kajian**

Kajian yang berkaitan dengan hubungan diplomatik AS-Malaysia menjadi perhatian utama ramai pengkaji yang lepas yang memfokuskan kepada peristiwa tertentu. Kajian ini cuba menjelaskan semula peristiwa secara kronologi sebagai satu proses yang merangkumi persetujuan, penubuhan dan pelaksanaan polisi dalam hubungan strategik antara AS-Malaysia. Kajian ini akan membincangkan pengertian dan konsep hubungan strategik dari beberapa sudut ilmu.

Tujuan umum kajian ini adalah untuk menjelaskan semula sebab-musabab berlakunya hubungan strategik AS-Malaysia. Selain itu kajian ini juga akan menjelaskan bentuk hubungan strategik yang dijalankan oleh kedua-dua negara dalam usaha memenuhi keperluan dan kepentingan pada era Kemerekaan Tanah Melayu sehingga berakhirnya Perang Dingin.

Tujuan khusus kajian ini adalah untuk menjelaskan semula hubungan strategik AS-Malaysia era pasca Perang Dingin dari tahun 1990 hingga 2000 dalam usaha memerangi keganasan di Malaysia. Selepas berjaya mengalahkan gerakan Komunis yang diistilahkan sebagai gerakan pengganas oleh AS, Malaysia masih lagi bersedia untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan untuk melawan apa-apa sahaja unsur yang mempunyai persamaan dengan keganasan. Walaupun di Malaysia istilah pengganas masih lagi jarang digunakan untuk merujuk kepada beberapa gerakan militan yang bersifat subversif sekitar tahun 1990-an, namun ciri-ciri pengganas dan fenomena keganasan sudah wujud ketika itu. Sebab itulah, AS masih komited menjalinkan hubungan strategik dengan Malaysia kerana AS sudah lama berhadapan dengan gerakan pengganas sejak abad ke-19 serangan dari pengganas Columbia dan sebagainya disamping menjaga kepentingannya di rantau Asia Tenggara.

Kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan hubungan strategik AS-Malaysia pada abad ke-21 dalam usaha memerangi pengganas dari tahun 2001 hingga 2003. Sebelum berlaku peristiwa 11 September 2001, hubungan AS-Malaysia masih dalam keadaan yang tegang. Namun, selepas peristiwa 11 September, AS telah memperkenalkan dasar luar iaitu Perang ke atas Keganasan Global (*Global war on Terrorism-GWOT*).<sup>2</sup> Malaysia merupakan antara negara yang menyambut dasar tersebut dan dalam beberapa kes rakyat Malaysia dilaporkan terlibat dan mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas Al-Qaeda. Fenomena ini merupakan antara perkara yang menjadi tumparan hebat buat Malaysia dan ditambah lagi dengan penglibatan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab ke atas peristiwa menyerang Bali di Indonesia pada tahun 2002.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai isu dan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua negara sepanjang menjalankan hubungan strategik memerangi keganasan dari tahun 1990 hingga tahun 2003.

#### **1.4 Sorotan Literatur**

Dalam memahami hubungan strategik AS-Malaysia adalah penting untuk memahami konsep hubungan strategik itu sendiri. Walau bagaimanapun, istilah ini sebenarnya lebih tertumpu kepada konsep strategik itu sendiri yang menjadi satu bidang ilmu. Penulisan berkaitan dengan konsep strategik telah banyak dihasilkan oleh ahli-ahli sarjana yang berminat dalam bidang ilmu ini sehingga muncul dalam pelbagai perspektif, tajuk, termasuklah asal-usul, teori, matlamat, evolusi dan lain-lain. Perkembangan Ilmu Strategik telah digunakan sejak beribu-ribu tahun dahulu. Dalam sebuah artikel yang ditulis oleh Noranjan Mohapatra bertajuk *Significance of Strategic and Military Studies in International Relations*<sup>3</sup> mengupas kefahaman bidang Ilmu Strategik yang merupakan cabang dalam disiplin hubungan antarbangsa dimana terletaknya fakta berkaitan dasar luar sesebuah negara samada ia negara besar atau kecil yang mempunyai dimensi strategik masing-

<sup>2</sup> Melvyn P. Leffler, 9/11 Retrospect: George W. Bush's Grand Strategy, Reconsidered, *Foreign Affairs*, **90** (5), September/Oktoper 2011, hlm 33-44.

<sup>3</sup> Niranjana Mohapatra, Significance of Strategic and Military Studies in International Relations, *Scholar's Voice: A New Way of Thinking*, Vol 2, no. 1, Centre for Defence Sciences Research & Development, January-June 2011, hlm. 92-96.

masing. Penulisan ini menyediakan beberapa hujah berkaitan dengan evolusi ilmu strategik yang dikatakan mula berubah selepas berlakunya Revolusi Industri di Eropah. Strategik yang biasanya digunakan dalam perang atau untuk merancang perang akhirnya tidak lagi terikat dengan aspek militari semata-mata, sebaliknya ia telah melibatkan aspek ekonomi dan perkembangan perdagangan samada diperingkat nasional maupun internasional. Evolusi dalam Ilmu Strategik telah menjadikan bidang ilmu ini dipertimbangkan sebagai "Seni" yang mengawal semua sumber sesebuah negara yang ada kaitannya dengan sebahagian aspek militari. Suatu perkara yang sangat penting dalam penulisan ini ialah berkaitan dengan dimensi strategik yang berbeza bagi setiap negara yang diterjemahkan dalam dasar luar berdasarkan kepada keperluan daripada kepentingan yang pelbagai. Penulisan lain yang menyentuh berkaitan dengan istilah strategik juga dihasilkan oleh Petr Suchy bertajuk *Role of Security and Strategic Studies within International Relations Studies*.<sup>4</sup> Penulisan ini menyediakan beberapa panduan asas berkaitan dengan ilmu dan kajian strategik selepas berakhirnya Perang Dingin.

Kebimbangan bahawa ilmu ini tidak lagi signifikan dan tidak akan digunakan lagi merupakan igauan bagi ahli sarjana strategik. Suchy telah berhujah bahawa kedua-dua bidang ilmu iaitu strategik dan sekuriti telah berkembang dan semakin memainkan peranan penting kerana menonjolkan beberapa isu yang penting seperti langkah pencegahan agar Perang Dingin tidak berulang kembali, isu berkaitan aspek ketenteraan, perang yang tidak teratur dan sebagainya. Di akhir sekali penulis menjelaskan bahawa bidang Ilmu Strategik adalah sinonim dengan bidang ilmu Sekuriti. Kaitan antara kedua-dua bidang ilmu sebagai sinonim berbeza dengan pendapat John Baylis dan James J. Writz dalam *Strategy in the Contemporary World*.<sup>5</sup> Buku ini menyediakan beberapa penjelasan berkaitan dengan istilah strategik dan beberapa definisi yang diambil daripada beberapa ahli sarjana daripada bidang yang berbeza seperti ekonomi, militari, sejarah, sains politik dan lain-lain. Penjelasan definisi yang pelbagai telah membawa penulis

<sup>4</sup> Petr Suchy, *Role of Security and Strategic Studies within International Relations Studies*, <http://www.defenceandstrategy.eu>, dimuat turun pada 05 April 2013.

<sup>5</sup> John Baylis dan James J. Writz dalam *Strategy in the Contemporary World, World 2<sup>nd</sup> Edision*, New York: Oxford University Press, 2007.

menyimpulkan bahawa bidang Ilmu Strategik ini merupakan cabang daripada Ilmu Sekuriti, Hubungan Antarabangsa dan dinaungi oleh bidang Sains Politik. Hujah ini merupakan kesimpulan yang berbeza daripada apa yang telah dijelaskan oleh kedua-dua penulis sebelum ini yang bersetuju bahawa bidang Ilmu Strategik adalah cabang disiplin Hubungan Antarabangsa.

Untuk memahami sejarah penglibatan AS dan dasar luar negara yang mempunyai kuasa pengaruh yang besar di pentas dunia terutamanya kempen keselamatan antarabangsa, pengkaji telah merujuk penulisan yang berjudul *American Foreign Policy: Theoretical Essay* (1996)<sup>6</sup> hasil suntingan G. John Ikenberry. Dalam penulisan ini, salah satu eseи yang menjadi tumpuan berjudul *The Tragedy of Cold War History*<sup>7</sup> oleh Lewis Gaddis yang memberi penekanan tentang dasar luar AS semasa berhadapan dengan Kesatuan Soviet dalam era Perang Dingin. Perbincangan menjurus kepada sejarah asal usul pembentukan dan perkembangan doktrin pembendungan (*Containment Doctrine*) selepas Perang Dunia Kedua sebagai salah satu strategi yang berkesan untuk menghalang dan memerangi ancaman Kesatuan Soviet yang dalam usaha mengembangkan pengaruh Komunis. Walau bagaimanapun, hasil penulisan Micheal H. Hunt yang bertajuk, *Ideology and U.S. Foreign Policy*<sup>8</sup> (1988) dikatakan lebih bersifat komprehensif dalam membincangkan prinsip asas dan idea yang wujud disebalik perkembangan dasar luar AS sekitar abad ke-20.

Dalam penulisan ini, tiga aspek asas ideologi yang berkaitan dengan dasar luar AS cuba ditekankan sebagai tema perbincangan. Aspek pertama yang berkaitan dengan wawasan AS yang unggul, kedua kecenderungan yang melihat populasi dunia berdasarkan hierarki dan ketiga menyentuh berkaitan perasaan kecewa terhadap kegagalan revolusi-revolusi yang berlaku sepanjang abad ke-19 dan ke-20. Dalam penulisan ini, Amerika dikatakan begitu bangga dengan sistem politik mereka kerana beranggapan bahawa sistem politik mereka yang terbaik

<sup>6</sup> G. John Ikenberry (ed), *American Foreign Policy: Theoretical Essays*, New York: Longman, 1996.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 637-651.

<sup>8</sup> Micheal H. Hunt, *Ideology and U.S. Foreign Policy*, New Haven and London: Yale University Press, 1988.